SONY

4-418-234-**61** (1)

HOME AUDIO DOCKING SYSTEM

Arahan Pengendalian

(1)

©2012 Sony Corporation Printed in China

FST-GTK33iP/GTK11iP
RDH-GTK33iP/GTK11iP

MY

http://www.sony.net/

Made for iPod iPhone

AMARAN

Untuk mengurangkan risiko kebakaran, jangan tutup bukaan pengalihan udara alat dengan suratkhabar, alas meja, langsir, dll. Jangan letakkan sumber api terbuka seperti lilin yang dinyalakan di atas alat.

Untuk mengurangkan risiko kebakaran atau kejutan elektrik, jangan dedahkan alat ini kepada titisan atau percikan dan jangan letakkan objek yang diisi dengan cecair, seperti pasu di atas alat.

Jangan pasang perkakas dalam ruang tertutup, seperti rak buku atau kabinet terbina dalam.

Oleh kerana palam utama digunakan untuk menyahsambung unit dari saluran utama, sambungkan unit kepada saluran keluar AC yang boleh diakses dengan mudah. Sekiranya anda menyedari ketidaknormalan dalam unit, nyahsambungkan palam utama dari saluran keluar AC dengan serta-merta.

Jangan dedahkan bateri atau alat yang dipasang bateri kepada haba berlebihan seperti cahaya matahari, api atau yang sama sepertinya.

Unit tidak dinyahsambungkan dari saluran utama selagi ia disambungkan kepada saluran keluar AC walaupun unit sendiri telah dimatikan.

Notis Lesen dan Tanda Dagangan

- iPhone, iPod, iPod classic, iPod nano, dan iPod touch ialah tanda dagang Apple Inc., yang berdaftar di Amerika Syarikat dan negara-negara lain.
- Teknologi pengekodan audio MPEG Lapisan 3 dan paten adalah dilesen daripada Fraunhofer IIS dan Thomson.
- Windows Media adalah sama ada tanda dagangan berdaftar atau tanda dagangan Microsoft Corporation di Amerika Syarikat dan/atau negara lain.
- Produk ini mengandungi teknologi yang tertakluk kepada hak harta intelektual Microsoft yang tertentu. Penggunaan atau pengedaran teknologi ini di luar produk ini tanpa lesen yang sewajarnya daripada Microsoft adalah dilarang.
- Semua tanda dagang dan tanda dagang berdaftar lain ialah hak milik pemegangnya masing-masing. Dalam manual ini, tanda ™ dan ® tidak dinyatakan.

Lokasi Kawalan

Unit (Atas)



Unit (Depan)



Catatan
Output fon kepala tidak tersedia kerana sistem ini tidak mempunyai bicu fon kepala.

Kawalan Jauh



Manual ini banyak menerangkan pengendalian yang menggunakan alat kawalan jauh, tetapi pengendalian yang sama juga boleh dilakukan dengan menggunakan butang pada unit yang mempunyai nama yang sama atau serupa.

Untuk mengunci butang pada unit (Fungsi kunci kanak-kanak)

Anda boleh mengunci butang kecuali I/⏻ (buka/bersedia) 5 pada unit untuk mengelakkannya dikendalikan secara tidak sengaja.
Tekan dan tahan ■ 14 pada unit sehingga "CHILD LOCK ON" atau "CHILD LOCK OFF" muncul pada paparan 8. Semua butang kecuali I/⏻ 5 pada unit akan dikunci atau dibuka kuncinya.

Catatan
Kunci kanak-kanak akan dibatalkan apabila anda mencabut kord kuasa.

Petua
Pengendalian yang menggunakan butang alat kawalan jauh boleh dilakukan walaupun fungsi kunci kanak-kanak didayakan.

Bersedia untuk Mula



Ⓐ Ke saluran keluar dinding
Ⓑ Antena gelung AM
Ⓒ Ke bicu DVD/PC IN L
Ⓓ Ke bicu DVD/PC IN R
Ⓔ Antena kabel FM (Panjangkannya secara mendatar.)

A Kuasa

Sambungkan kord kuasa ke saluran keluar dinding.
Demonstrasi muncul pada paparan 8. Apabila anda menekan I/⏻ 5, sistem dihidupkan secara automatik dan demonstrasi dimatikan secara automatik.
Jika penyesuai yang dibekalkan pada palam tidak padan dengan saluran keluar dinding anda, tanggalkannya dari palam (hanya untuk model yang dilengkapi dengan penyesuai).

B Audio masuk L/R (bicu DVD/PC IN)

Sambungkan komponen pilihan seperti pemain audio digital atau peranti dengan output audio analog, dengan menggunakan kabel input audio RCA boleh didapati secara komersial.

C Antena

Apabila memasukkan penyambung kabel FM/antena gelung AM, pastikan ia dimasukkan dalam orientasi yang betul.
Cari lokasi dan orientasi yang memberikan penerimaan yang baik semasa anda menyediakan antena.
Jauhkan antena dari kord kuasa untuk mengelak daripada dipengaruhi hingar.

Memasang sistem

Sistem boleh dipasang sama ada secara tegak atau mendatar. Pilih gaya pemasangan berdasarkan keutamaan anda (kecuali untuk pengguna model iPod nano). Sila ambil perhatian bahawa dengan sistem ini, pemasangan mendatar diperlukan semasa menggunakan model iPod nano.

Pemasangan mendatar



Pemasangan tegak



Menggunakan alat kawalan jauh

Masukkan dua bateri R6 (saiz AA) (dibekalkan), mengikut kekutuban yang ditunjukkan di bawah.



Catatan tentang penggunaan alat kawalan jauh
- Dengan penggunaan biasa, bateri sepatutnya tahan selama lebih kurang 6 bulan.
- Jangan campurkan bateri lama dengan bateri baru atau campurkan bateri yang berlainan jenis.
- Jika anda tidak menggunakan alat kawalan jauh untuk tempoh masa yang lama, keluarkan bateri untuk mengelakkan kerosakan akibat kebocoran dan pengaratan bateri.

Mengesetkan jam

1 Tekan I/⏻ 5 untuk menghidupkan sistem.
2 Tekan TIMER MENU 16 untuk memilih mod set jam.
Jika "PLAY SET" berkelip, tekan ↑/↓ 20 berulang kali untuk memilih "CLOCK", dan kemudian tekan ⊕ (masuk) 17.
3 Tekan ↑/↓ 20 berulang kali untuk mengesetkan jam, kemudian tekan ⊕ 17.
4 Gunakan tatacara yang sama untuk mengesetkan minit.

Catatan
Pengesetan jam diset semula apabila anda mencabut kord kuasa atau jika berlaku kegagalan kuasa.

Untuk memaparkan jam semasa sistem dimatikan

Tekan DISPLAY 25. Jam dipaparkan selama lebih kurang 8 saat.

Menggunakan iPod/iPhone

Untuk mengelakkan iPod/iPhone terjatuh, sentiasa kunci iPod/iPhone dengan lengan pemegang semasa menggunakan iPod/iPhone dengan sistem ini. Semasa mengeluarkan iPod/iPhone, angkat lengan pemegang sehingga kedengaran bunyi klik dan berdetap ke dalam kedudukannya, dan kemudian cabut iPod/iPhone dari penyambung iPod/iPhone.

1 Letak iPod/iPhone ke dalam penyambung iPod/iPhone.
2 Tekan butang PUSH sehingga lengan pemegang dilepaskan dengan bunyi klik.
Lengan pemegang terlipat keluar untuk mengunci iPod/iPhone.



Catatan untuk pengguna model iPod nano
JANGAN memasang sistem secara tegak semasa menggunakan model iPod nano dengan sistem ini. Model iPod nano tidak boleh dikunci dengan lengan pemegang kerana ketinggiannya. Pasang sistem secara mendatar.

Catatan tentang mengangkat sistem
JANGAN mengangkat sistem dengan iPod/iPhone tersambung. Jika anda berbuat demikian, iPod/iPhone mungkin jatuh dan rosak. Sony tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh penggunaan yang tidak wajar.

Perhatian
- Apabila menggunakan sarung iPod/iPhone yang boleh didapati secara komersial, iPod/iPhone yang disambungkan mungkin tidak dikenali oleh sistem. Jika ini berlaku, tanggalkan sarung itu dari iPod/iPhone dan sambungkannya semula ke penyambung iPod/iPhone.
- Apabila menggunakan sistem yang dipasang secara tegak, pastikan iPod/iPhone yang disambung tetap tegak, tidak condong.

Pengendalian

Memainkan iPod/iPhone

1 Pilih fungsi iPod.
Tekan FUNCTION +/− 7 berulang kali.
2 Letak iPod/iPhone ke dalam penyambung iPod/iPhone 12.
3 Tekan butang PUSH dan pasang iPod/iPhone.
4 Mulakan main balik.
Tekan ► 14.

Untuk mengawal iPod/iPhone

Untuk	Tekan
Menjeda main balik	❚❚ (jeda) 14/■ (henti) 14.
Pilih runut atau bab audiobook/podcast	I◄◄ (undur ke belakang)/►►I (pergi ke depan) 11. Untuk mara cepat atau mandir cepat, tahan butang.
Cari titik kedudukan dalam runut atau bab audiobook/podcast	Tahan ◄◄ (mandir)/►► (mara cepat) 11 semasa main balik, dan melepaskan butang pada titik yang dikehendaki.
Pilih item yang telah dipilih	⊕ (masuk) 17.
Tatal ke atas/ke bawah menu iPod	↑/↓ 20.
Kembali ke menu sebelumnya atau pilih menu	TOOL MENU 18/RETURN ↶ (kembali) 19.

Untuk menggunakan sistem sebagai pengecas bateri

Anda boleh menggunakan sistem sebagai pengecas bateri untuk iPod/iPhone sama ada sistem hidup atau mati.
Apabila mengecas iPod/iPhone semasa sistem dihidupkan, pastikan anda memilih fungsi yang lain daripada fungsi USB.
Pengecasan bermula apabila iPod/iPhone diletakkan pada penyambung iPod/iPhone 12. Status pengecasan mucul pada paparan iPod/iPhone. Semasa mengecas iPod/iPhone, tempatkan iPod/iPhone pada penyambung dengan pemain iPod/iPhone dihentikan.
Untuk butir-butir, lihat panduan pengguna iPod/iPhone anda.

Untuk berhenti mengecas iPod/iPhone

Keluarkan iPod/iPhone

Catatan tentang mengecas iPod/iPhone
- Apabila fungsi USB dipilih semasa sistem hidup, anda tidak boleh mengecas iPod/iPhone.
- Jika mod paparan ialah demonstrasi atau jam, anda tidak boleh mengecas iPod/iPhone walaupun sistem dimatikan.
- Jika anda menekan DISPLAY 25 semasa mengecas apabila sistem dimatikan, sistem berhenti mengecas iPod/iPhone. Untuk memulakan semula pengecasan iPod/iPhone, sambung semula iPod/iPhone apabila mod paparan ialah mod Penjimatan Kuasa.

Perhatian
- Matikan fungsi "Goncang untuk Kocok" pada iPod/iPhone untuk mengelakkan perubahan runut yang tidak dijangka semasa mendengar muzik pada kekuatan tinggi.
- Jika bateri iPod/iPhone kosong, sistem mungkin tidak mengenalinya. Dalam hal sedemikian, cas semula dengan komputer, dsb. kemudian sambungkannya kepada sistem.
- Prestasi sistem mungkin berbeza-beza, bergantung pada spesifikasi iPod/iPhone anda.
- Semasa meletakkan atau mengeluarkan iPod/iPhone, pegang iPod/iPhone pada sudut yang sama dengan penyambung iPod/iPhone pada unit dan jangan memutar atau menggoyang iPod/iPhone untuk mengelakkan kerosakan penyambung.
- Jangan membawa unit dengan iPod/iPhone terset penyambung. Melakukan demikian boleh menyebabkan pincang tugas.
- Semasa meletakkan atau mengeluarkan iPod/iPhone, pegang unit dengan sebelah tangan dan berhati-hati agar tidak menekan kawalan iPod/iPhone secara tidak sengaja.
- Sebelum memutuskan sambungan iPod/iPhone, jeda main balik.
- Tahan I◄◄ /►►I 11 untuk mandir cepat (atau mara cepat) semasa memainkan video jika ◄◄/►► 11 tidak fungsi.
- Untuk menukar aras kekuatan, gunakan VOLUME +/− 1. Aras kekuatan tidak berubah jika anda melaraskannya pada iPod/iPhone.
- Sistem ini direka bentuk untuk iPod/iPhone sahaja. Anda tidak boleh menyambungkan pemain audio mudah alih lain kepada penyambung iPod/iPhone.
- Untuk menggunakan iPod/iPhone, rujuk panduan pengguna iPod/iPhone anda.
- Sony tidak boleh bertanggungjawab sekiranya data yang dirakamkan pada iPod/iPhone hilang atau rosak semasa menggunakan iPod/iPhone dengan sistem ini.

Memainkan fail peranti USB

Format audio yang boleh dimain balik pada sistem ini ialah MP3/WMA*/AAC*.

* Fail dengan perlindungan hak cipta DRM (Digital Rights Management (Pengurusan Hak Digital)) atau fail yang dimuat turun dari kedai muzik dalam talian tidak boleh dimainkan pada sistem ini. Jika anda cuba memainkan salah satu fail ini, sistem memainkan fail audio seterusnya yang tidak dilindungi.

Semak tapak web di bawah ini untuk maklumat tentang peranti USB yang serasi.

Untuk pelanggan di Amerika Latin:
<http://esupport.sony.com/LA>
Untuk pelanggan di Eropah dan Rusia:
<http://support.sony-europe.com/>
Untuk pelanggan di negara/kawasan lain:
<http://www.sony-asia.com/support>

1 Pilih fungsi USB.
Tekan FUNCTION +/− 7 berulang kali.
2 Sambung peranti USB ke port ⇜ (USB) 13.
3 Mulakan main balik.
Tekan ► 14.

Pengendalian lain

Untuk	Tekan
Menjeda main balik	❚❚ (jeda) 14. Untuk sambung semula main, tekan butang sekali lagi.
Hentikan main balik	■ (henti) 14. Untuk sambung semula main, tekan ► (main) 14*1. Untuk membatalkan sambung semula main, tekan ■ 14 sekali lagi*2.
Pilih folder	🗀 +/− 10 berulang kali.
Pilih fail	I◄◄ (undur ke belakang)/►►I (pergi ke depan) 11.
Cari titik dalam fail	Tahan ◄◄ (mandir)/►► (mara cepat) 11 semasa main balik, dan melepaskan butang pada titik yang dikehendaki.
Pilih Main Ulang	REPEAT 23 berulang kali sehingga "⇄" (ulang semua runut) atau "⇄1" (ulang satu runut) muncul.

*1 Semasa memainkan fail VBR MP3/WMA, sistem mungkin menyambung semula main balik dari titik yang berlainan.
*2 Sambung semula main kembali ke folder teratas.

Untuk menukar mod main

Tekan PLAY MODE 22 berulang kali. Anda boleh memilih mod Main Normal (main semula dalam turutan semua fail pada peranti USB), mod Main Folder ("FLDR" bagi semua fail dalam folder yang ditetapkan pada peranti USB), atau mod Main Rawak ("SHUF").

Catatan tentang mod main
- Apabila anda memilih mod Main Rawak "SHUF", sistem memainkan semua fail audio pada peranti USB yang disambungkan dalam tertib rawak. Mod Main Rawak mungkin memainkan fail yang sama berulang kali.
- Semasa mod main disetkan kepada mod Main Folder, "⇄1" tidak tersedia.
- Semasa mod main disetkan kepada mod Main Rawak, fungsi ulang tidak tersedia.
- Semasa main ulang disetkan, mod Main Rawak tidak tersedia. Semasa main ulang disetkan kepada "⇄1", mod Main Folder tidak tersedia.
- Apabila anda mematikan sistem, mod Main Rawak ("SHUF") yang dipilih dikosongkan dan mod main kembali kepada mod Main Normal.

Catatan tentang Main Ulang
Jika anda memilih "⇄" semasa sistem berada dalam mod Main Normal, sistem melaksanakan main ulang bagi semua fail audio pada peranti USB sehingga anda menghentikan main balik. Jika anda memilih "⇄" semasa sistem berada dalam mod Main Folder, sistem melaksanakan main ulang bagi semua fail audio dalam folder yang dipilih sehingga anda menghentikan main balik.

Perhatian
- Apabila sambungan kabel USB diperlukan, sambungkan kabel USB yang dibekalkan dengan peranti USB. Lihat manual pengendalian yang dibekalkan bersama-sama peranti USB untuk butir-butir tentang kaedah pengendalian.
- Masa untuk "READING" muncul mungkin lebih kurang 10 saat bergantung pada jenis peranti USB yang disambungkan.
- Jangan menyambungkan sistem dengan peranti USB melalui hab USB.
- Apabila peranti USB disambungkan, sistem membaca semua fail pada peranti USB. Jika terdapat banyak folder atau fail pada peranti USB, masa yang lama mungkin diperlukan untuk membaca seluruh peranti USB.
- Bagi sesetengah peranti USB yang disambungkan, selepas suatu pengendalian dijalankan, mungkin terdapat lengah sebelum ia dilaksanakan oleh sistem ini.
- Keserasian dengan semua perisian pengekodan/penulisan tidak boleh dijamin. Jika fail audio pada peranti USB pada asalnya dikodkan dengan perisian yang tidak serasi, fail tersebut mungkin menghasilkan hingar atau bunyi terganggu, atau mungkin tidak dimainkan balik sama sekali.
- Sistem ini tidak boleh memainkan fail audio pada peranti USB dalam hal yang berikut;
  - apabila jumlah fail audio dalam folder melebihi 100.
  - apabila jumlah bilangan fail audio pada peranti USB melebihi 10,000.
  - apabila jumlah bilangan folder pada peranti USB melebihi 100 (termasuk folder "ROOT" dan folder kosong).

  Bilangan ini mungkin berbeza bergantung pada struktur fail dan folder. Jangan simpan fail atau folder jenis lain yang tidak perlu pada peranti USB yang mempunyai fail audio.
- Sistem ini boleh main balik sehingga kedalaman 8 folder sahaja.
- Sistem ini tidak semestinya menyokong semua fungsi yang disediakan dengan peranti USB yang disambungkan.
- Sambung semula main akan dibatalkan apabila anda mencabut kord kuasa.
- Folder yang tidak mempunyai fail audio dilangkau.
- Format audio yang anda boleh dengari dengan sistem ini adalah seperti berikut:
  - MP3: sambungan fail ".mp3"
  - WMA: sambungan fail ".wma"
  - AAC: sambungan fail ".m4a"

  Sila ambil perhatian bahawa walaupun nama fail mempunyai sambungan fail yang betul, jika fail yang sebenar berbeza, sistem mungkin menghasilkan hingar atau mungkin pincang tugas.

Untuk menggunakan sistem sebagai pengecas bateri

Anda boleh menggunakan sistem sebagai pengecas bateri untuk peranti USB yang mempunyai fungsi cas semula apabila sistem dihidupkan.
Tekan FUNCTION +/− 7 berulang kali untuk memilih fungsi USB.
Pengecasan bermula apabila peranti USB disambungkan kepada port ⇜ (USB) 13. Status cas muncul pada paparan peranti USB. Untuk butir-butir, lihat panduan pengguna peranti USB anda.

Mendengar radio

1 Pilih fungsi penala (TUNER FM/TUNER AM).
Tekan FUNCTION +/− 7 berulang kali.
2 Melaksanakan penalaan.

Untuk pengimbasan automatik

Tekan TUNING MODE 22 berulang kali sehingga "AUTO" muncul, dan kemudian tekan +/− 11.
Pengimbasan berhenti secara automatik dan "TUNED" dan "ST" (untuk rancangan stereo sahaja) menyala pada paparan 8 apabila stesen ditemui.



Jika "TUNED" tidak menyala dan pengimbasan tidak berhenti, tekan ■ 14 untuk menghentikan pengimbasan, kemudian lakukan penalaan manual (di bawah).
Apabila anda menala ke stesen FM yang menyediakan perkhidmatan RDS, maklumat seperti nama perkhidmatan atau nama stesen diberikan oleh siaran.

Untuk penalaan manual

Tekan TUNING MODE 22 berulang kali sehingga "AUTO" dan "PRESET" hilang, dan kemudian tekan +/− 11 berulang kali untuk menala ke stesen yang dikehendaki.

Petua
Untuk mengurangkan hingar statik pada stesen stereo FM yang lemah, tekan FM MODE 23 berulang kali sehingga "MONO" muncul untuk mematikan penerimaan stereo. Anda akan kehilangan kesan stereo, tetapi penerimaan akan bertambah baik.

Mempraset stesen radio

1 Tala ke stesen yang diingini.

2 Tekan TUNER MEMORY 21 untuk memilih mod ingatan penala.

3 Tekan +/— 11 berulang kali untuk memilih nombor praset yang diingini.

Jika stesen lain telah pun diberikan kepada nombor praset yang dipilih, stesen itu digantikan oleh stesen baru.

4 Tekan ⊕ 17 untuk menyimpan stesen.

5 Ulangi langkah 1 hingga 4 untuk menyimpan stesen lain.

Anda boleh mempraset sehingga stesen 20 FM dan stesen 10 AM.

6 Untuk mendapatkan balik stesen radio praset, tekan TUNING MODE 22 berulang kali sehingga "PRESET" muncul, dan kemudian tekan +/— 11 berulang kali untuk memilih nombor praset yang diingini.

Menggunakan komponen audio pilihan

1 Menyediakan sumber bunyi.

Sambungkan komponen audio tambahan kepada bicu DVD/PC IN L/R 15 pada unit menggunakan kord analog audio(tidak dibekalkan).

2 Laraskan aras kekuatan kepada minimum.

Tekan VOLUME — 1 berulang kali sehingga "VOL MIN" muncul pada paparan 8.

3 Pilih fungsi DVD/PC.

Tekan FUNCTION +/— 7 berulang kali.

4 Mulakan main balik.

Mula main balik komponen yang disambungkan dan laraskan kekuatan.

Catatan

Sistem mungkin memasuki mod Tunggu Sedia secara automatik jika aras kekuatan komponen yang disambungkan adalah terlalu rendah. Laraskan kekuatan komponen dengan sewajarnya. Lihat "Untuk mematikan fungsi tunggu sedia automatik".

Melaraskan bunyi

Untuk	Tekan
Melaraskan kekuatan	VOLUME +/— 1.
Menjana bunyi yang lebih dinamik	BASS BOOST 2 berulang kali untuk memilih "BASS ON".
Setkan kesan bunyi	EQ 3 berulang kali.

Mengesetkan pencahayaan lampu pembesar suara

Anda boleh mengesetkan pencahayaan lampu pembesar suara daripada pelbagai corak pencahayaan. Pencahayaan lampu pembesar suara akan mencipta kesan pencahayaan berdasarkan sumber muzik.

Tekan LED SPEAKER 4 berulang kali.
Setiap kali anda menekan butang, corak bertukar.

Untuk mematikan fungsi lampu pembesar suara

Tekan LED SPEAKER 4 berulang kali sehingga "LED OFF" muncul.

Menukar paparan

Untuk	Tekan
Menukar maklumat pada paparan 8 [1]	DISPLAY 25 berulang kali semasa sistem dihidupkan.
Menukar mod Paparan (lihat di bawah.)	DISPLAY 25 berulang kali semasa sistem dimatikan. [2]

[1] Sebagai contoh, anda boleh melihat maklumat peranti USB, seperti;
- —nombor runut atau fail
- —nama runut atau fail ("♫")
- —nama artis ("👤")
- —nama album ("💿")
- —nama folder ("🗀")

[2] Penunjuk tunggu sedia 6 pada unit menyala apabila sistem dimatikan.

Sistem ini menawarkan mod paparan yang berikut.

Mod Paparan	Semasa sistem dimatikan [1]
Demonstrasi	Demonstrasi dihidupkan.
Mod Penjimatan Kuasa [2]	Paparan dimatikan untuk memulihara kuasa. Pemasa dan jam terus beroperasi.
Jam [3]	Jam dipaparkan.

[1] Penunjuk tunggu sedia 6 pada unit menyala apabila sistem dimatikan.
[2] Anda tidak boleh mengesetkan jam dalam mod Penjimatan Kuasa.
[3] Paparan jam secara automatik bertukar kepada mod Penjimatan Kuasa selepas 8 saat.

Catatan tentang maklumat paparan

- Aksara yang tidak boleh dipaparkan muncul sebagai "_".
- Jumlah masa main untuk peranti USB tidak dipaparkan.
- Perkara yang berikut tidak dipaparkan dengan betul;
  - —masa main berlalu bagi fail MP3 yang dikodkan dengan VBR (variable bit rate, iaitu kadar bit pemboleh ubah).
  - —nama folder dan fail yang tidak mengikut sama ada ISO9660 Aras 1, Aras 2 atau Joliet dalam format pengembangan.
- Maklumat tag ID3 bagi fail MP3 dipaparkan apabila tag ID3 versi 1 dan versi 2 digunakan (paparan maklumat tag ID3 versi 2 mempunyai keutamaan apabila kedua-dua tag ID3 versi 1 dan versi 2 digunakan untuk satu fail MP3).

Menggunakan pemasa

Sistem menawarkan 2 fungsi pemasa. Jika anda menggunakan kedua-dua pemasa, Pemasa Tidur diberi keutamaan.

Pemasa Tidur:

Anda boleh tertidur sambil mendengar muzik. Fungsi ini dijalankan walaupun jam tidak disetkan.

Tekan SLEEP 24 berulang kali untuk memilih masa yang dikehendaki.
Untuk membatalkan Pemasa Tidur, tekan SLEEP 24 berulang kali sehingga "OFF" muncul.

Pemasa Main:

Anda boleh bangun tidur dengan penerimaan FM/AM, iPod/iPhone atau peranti USB pada waktu praset.
Pastikan anda telah mengesetkan jam.

1 Menyediakan sumber bunyi.

Sediakan sumber bunyi, dan kemudian tekan VOLUME +/— 1 untuk melaraskan kekuatan.

2 Pilih mod set pemasa.

Tekan TIMER MENU 16.

3 Setkan pemasa main.

Tekan ♦/♦ 20 berulang kali untuk memilih "PLAY SET", kemudian tekan ⊕ 17.

4 Setkan waktu untuk mula main balik.

Tekan ♦/♦ 20 berulang kali untuk mengesetkan jam, kemudian tekan ⊕ 17. Gunakan tatacara yang sama untuk mengesetkan minit.

5 Gunakan tatacara yang sama seperti dalam langkah 4 untuk mengeset waktu bagi menghentikan main balik.

6 Pilih sumber bunyi.

Tekan ♦/♦ 20 berulang kali sehingga sumber bunyi yang diingini muncul, kemudian tekan ⊕ 17.

7 Matikan sistem.

Tekan I/⏻ 5. Sistem secara automatik dihidupkan sebelum waktu yang dipraset.
Jika sistem telah pun berada pada waktu yang dipraset, Pemasa Main tidak akan diaktifkan. Jangan mengendalikan sistem dari waktu sistem dihidupkan sehingga main balik bermula.

Untuk menyemak pengesetan

1 Tekan TIMER MENU 16.

2 Tekan ♦/♦ 20 berulang kali untuk memilih "SELECT", dan kemudian tekan ⊕ 17.

3 Tekan ♦/♦ 20 berulang kali untuk memilih "PLAY SEL", dan kemudian tekan ⊕ 17.

Untuk membatalkan pemasa

Ulangi tatacara yang sama seperti di atas, sehingga "OFF" muncul dalam langkah 3, dan kemudian tekan ⊕ 17.

Untuk menukar pengesetan

Mulakan balik daripada langkah 1 "Menggunakan pemasa".

Catatan

Jika anda memilih peranti USB sebagai sumber main balik dan mempunyai banyak fail atau folder pada peranti itu, masa diperlukan untuk membaca pemprosesan, menyebabkan sedikit lengah sebelum main dimulakan sebagai gerak balas kepada pemasa.

Catatan untuk pengguna iPod/iPhone

- Pastikan iPod/iPhone tidak dimainkan semasa menggunakan Pemasa Main.
- Pemasa Main mungkin tidak diaktifkan bergantung pada status iPod/iPhone yang tersambung.

Petua

Pengesetan Pemasa Main digunakan selagi pengesetan itu tidak dibatalkan secara manual.

Penyelesaian masalah

1 Pastikan kord kuasa disambungkan dengan betul dan dengan kemas.

2 Cari masalah anda dalam senarai semak di bawah ini, dan lakukan tindakan pembetulan yang dinyatakan.

Jika masalah berterusan, hubungi wakil penjual Sony yang terdekat.

Jika penunjuk tunggu sedia 6 berkelip

Cabut palam kord kuasa dengan serta-merta, dan periksa perkara-perkara berikut.

- Adakah lubang pengudaraan sistem terhalang?
- Adakah penyambung iPod/iPhone 12 mengalami litar pintas?

Selepas penunjuk tunggu sedia 6 berhenti berkelip, sambungkan semula kord kuasa, dan menghidupkan sistem. Jika masalah berterusan, hubungi wakil penjual Sony yang terdekat.

Am

Demonstrasi muncul pada paparan 8 selepas kord kuasa dipalamkan walaupun sistem tidak dihidupkan.

- Tekan DISPLAY 25 satu kali semasa sistem dimatikan. Demonstrasi hilang.
- Set jam. Lihat "Mengesetkan jam".

Sistem tidak dapat dihidupkan.

- Adakah kord kuasa terpalam?

Sistem telah memasuki mod tunggu sedia secara tiba-tiba.

- Ini bukan pincang tugas. Sistem memasuki mod tunggu sedia secara automatik dalam masa kira-kira 30 minit apabila tidak ada pengendalian atau output isyarat audio. Lihat "Untuk mematikan fungsi tunggu sedia automatik".

Pengesetan jam atau pengendalian Pemasa Main telah dibatalkan secara tiba-tiba.

- Jika lebih kurang satu minit berlalu tanpa pengendalian, pengesetan jam atau pengesetan Pemasa Main dibatalkan secara automatik. Laksanakan pengendalian sekali lagi dari mula.

Tidak ada bunyi.

- Adakah lubang pengudaraan sistem terhalang?
- Stesen yang ditetapkan mungkin telah menghentikan siaran buat sementara.

Dengungan atau hingar yang teruk.

- Alihkan sistem jauh dari punca hingar.
- Sambungkan sistem ke soket dinding yang lain.
- Pasang penapis hingar (tidak dibekalkan) kepada kord kuasa.

Alat kawalan jauh tidak berfungsi.

- Alihkan apa-apa halangan di antara alat kawalan jauh dengan penderia kawalan jauh 9 pada unit, dan tempatkan unit jauh dari lampu pendarfluor.
- Halakan alat kawalan jauh ke arah penderia sistem 9.
- Alihkan alat kawalan jauh lebih dekat ke sistem.
- Bateri alat kawalan jauh mungkin kehabisan kuasa. Gantikan bateri (R6/saiz AA) dengan bateri baru.

Penunjuk tunggu sedia 6 masih menyala selepas kord kuasa dicabut palamnya.

- Penunjuk tunggu sedia 6 mungkin tidak dipadamkan serta-merta selepas palam kord kuasa dicabut. Penunjuk akan dipadamkan selepas kira-kira 40 saat. Ini bukan pincang tugas.

Kecuali I/⏻ 5, semua butang pada unit tidak berfungsi, dan "CHILD LOCK" muncul pada paparan 8.

- Fungsi kunci kanak-kanak telah didayakan. Untuk menyahdayakan kunci kanak-kanak, tekan dan tahan ■ 14 pada unit sehingga "CHILD LOCK OFF" muncul pada paparan 8.

iPod/iPhone

Tidak ada bunyi.

- Pastikan iPod/iPhone tersambung dengan kemas.
- Pastikan iPod/iPhone sedang memainkan muzik.
- Pastikan iPod/iPhone dikemas kini dengan perisian terbaru. Jika tidak, kemas kini iPod/iPhone sebelum menggunakannya pada sistem.
- Melaraskan kekuatan.

Bunyi terherot.

- Pastikan iPod/iPhone tersambung dengan kemas.
- Turunkan kekuatan bunyi.
- Setkan pengesetan "EQ" iPod/iPhone kepada "Mati" atau "Rata".

Pertukaran runut secara tiba-tiba semasa main balik.

- Matikan fungsi "Goncang untuk Kocok" (menukar runut dengan menggoncang iPod/iPhone) pada iPod/iPhone semasa mendengar muzik pada iPod/iPhone pada kekuatan tinggi. Jika fungsi ini didayakan, penukaran runut yang tidak dijangka mungkin berlaku akibat getaran yang disebabkan oleh tekanan bunyi daripada sistem.

iPod/iPhone tidak berfungsi.

- Jika bateri iPod/iPhone kehabisan, ia mungkin tidak berfungsi dengan sistem ini. Dalam hal sedemikian, cas semula dengan komputer, dsb. kemudian sambungkannya kepada sistem.
- Tutup semua aplikasi yang dijalankan pada iPod/iPhone anda sebelum menggunakannya pada sistem. Untuk butir-butir, rujuk manual pengendalian yang dibekalkan dengan iPod/iPhone.
- Pastikan iPod/iPhone tersambung dengan kemas.
- Pastikan iPod/iPhone dikemas kini dengan perisian terbaru. Jika tidak, kemas kini iPod/iPhone sebelum menggunakannya pada sistem.
- Oleh sebab pengendalian sistem dan iPod/iPhone adalah berlainan, anda tidak boleh mengendalikan iPod/iPhone menggunakan butang pada alat kawalan jauh atau unit. Dalam hal ini, gunakan butang kawalan pada iPod/iPhone.

iPod/iPhone tidak boleh dicas.

- Jika bateri iPod/iPhone kehabisan, sistem mungkin tidak dapat mengecasnya walaupun anda menyambungkannya kepada sistem. Dalam hal sedemikian, cas semula dengan komputer, dsb. kemudian sambungkannya kepada sistem.
- Pastikan iPod/iPhone tersambung dengan kemas.
- Apabila mengecas iPod/iPhone semasa sistem dimatikan (mod Tunggu Sedia), sistem tidak melakukan pengecasan jika iPod/iPhone tercas penuh.
- Pastikan sistem tidak berada dalam mod fungsi USB. iPod/iPhone tidak boleh dicas dalam mod fungsi USB.
- Anda tidak boleh mengecas iPod/iPhone melalui port ⇜ (USB) 13 pada unit, walaupun menggunakan kabel USB yang dibekalkan bersama-sama iPod/iPhone anda. Untuk mengecas, sentiasa sambungkan iPod/iPhone kepada penyambung iPod/iPhone 12 pada unit.

Kekuatan deringan iPhone tidak berubah.

- Laraskan kekuatan deringan pada iPhone.

Peranti USB

iPod/iPhone atau peranti USB yang disambungkan tidak dicas, jika kedua-duanya disambungkan pada masa yang sama.

- Anda tidak boleh mengecas iPod/iPhone dan peranti USB pada masa yang sama. Pilih fungsi USB untuk mengecas peranti USB.

Adakah anda menggunakan peranti USB yang disokong?

- Jika anda menyambungkan peranti USB yang tidak disokong, masalah yang berikut mungkin berlaku. Semak maklumat pada tapak web tentang peranti USB yang serasi dengan URL yang disenaraikan di bawah "Memainkan fail peranti USB".
  - —Peranti USB tidak dikenali.
  - —Nama folder atau fail tidak dipaparkan.
  - —Main balik tidak dapat dilakukan.
  - —Bunyi melompat.
  - —Terdapat hingar.
  - —Bunyi terherot dioutput.

"OVER CURRENT" muncul.

- Masalah telah dikesan dengan aras arus elektrik dari port ⇜ (USB) 13. Matikan sistem dan cabut peranti USB dari port ⇜ (USB) 13. Pastikan tidak ada masalah dengan peranti USB. Jika corak paparan ini berterusan, hubungi wakil penjual Sony yang terdekat.

Tidak ada bunyi.

- Peranti USB tidak tersambung dengan betul. Matikan sistem, kemudian sambung semula peranti USB.

Terdapat hingar, bunyi melompat, atau bunyi terherot.

- Matikan sistem, kemudian sambung semula peranti USB.
- Data muzik sendiri mengandungi hingar, atau bunyi terherot. Hingar mungkin telah masuk semasa mencipta data muzik disebabkan oleh keadaan komputer. Cipta data muzik sekali lagi.
- Kadar bit yang digunakan semasa pengekodan fail adalah rendah. Hantar fail yang dikodkan dengan kadar bit yang lebih tinggi ke peranti USB.

"READING" dipaparkan untuk tempoh masa yang lama, atau masa yang lama diambil sebelum main balik bermula.

- Proses pembacaan boleh mengambil masa yang lama dalam kes yang berikut.
  - —Terdapat banyak folder atau fail pada peranti USB.
  - —Struktur fail adalah terlalu kompleks.
  - —Kapasiti ingatan berlebihan.
  - —Ingatan dalaman terserpih.

Paparan beralat

- Hantar data muzik ke peranti USB sekali lagi kerana data yang disimpan pada peranti USB mungkin telah rosak.
- Kod aksara yang boleh dipaparkan oleh sistem ini ialah nombor dan abjad sahaja. Aksara lain tidak dipaparkan dengan betul.

Peranti USB tidak dikenali.

- Matikan sistem dan sambung semula peranti USB, kemudian hidupkan sistem.
- Semak maklumat pada tapak web tentang peranti USB yang serasi dengan URL yang disenaraikan di bawah "Memainkan fail peranti USB".

Peranti USB tidak berfungsi dengan betul.

- Rujuk manual pengendalian peranti USB untuk cara menangani masalah ini.

Main tidak dimulakan.

- Matikan sistem dan sambung semula peranti USB, kemudian hidupkan sistem.
- Semak maklumat pada tapak web tentang peranti USB yang serasi dengan URL yang disenaraikan di bawah "Memainkan fail peranti USB".
- Sentuh ► 14 untuk memulakan main balik.

Main tidak bermula dari runut pertama.

- Setkan mod main kepada mod Main Normal.

Fail tidak dapat dimainkan balik.

- Fail audio tidak mempunyai sambungan ".mp3", ".wma" atau ".m4a".
- Data tidak dicipta dalam format MP3/WMA/AAC.
- Peranti USB yang diformatkan dengan sistem fail selain daripada FAT16 atau FAT32 tidak disokong.*
- Jika anda menggunakan peranti USB yang dipetakkan, hanya fail pada pemetakan pertama boleh dimainkan.
- Fail yang dienkripsi atau dilindungi dengan kata laluan, dan sebagainya, tidak boleh dimainkan balik.

* Sistem ini menyokong FAT16 dan FAT32, tetapi sesetengah peranti USB mungkin tidak menyokong semua FAT ini. Untuk perincian, lihat manual pengendalian setiap peranti USB atau hubungi pengeluar.

Penala

Dengungan atau hingar yang teruk, atau stesen tidak dapat diterima. ("TUNED" atau "ST" berkelip pada paparan 8.)

- Sambungkan antena dengan betul.
- Cuba tempat lain dan orientasi lain untuk penerimaan antena yang lebih baik.
- Jauhkan antena dari kord kuasa untuk mengelak daripada dipengaruhi hingar.
- Matikan apa-apa kelengkapan elektrik yang berdekatan.

Untuk menukar sela penalaan AM (kecuali untuk model Eropah, Rusia dan Arab Saudi)

Sela penalaan AM dipraset kepada 9 kHz atau 10 kHz oleh pengesetan lalai kilang. Gunakan butang pada unit untuk menukar sela penalaan AM.

1 Tala ke mana-mana stesen AM, dan kemudian mematikan sistem.

2 Tekan DISPLAY 25 untuk memaparkan jam.

3 Semasa menekan dan menahan FUNCTION 7, tekan I/⏻ 5.

Semua stesen praset AM dipadamkan. Untuk mengesetkan semula sela kepada praset kilang, ulangi tatacara.

Untuk mengesetkan semula sistem kepada pengesetan kilang

Jika sistem masih tidak berfungsi dengan betul, setkan semula sistem kepada pengesetan kilang.
Gunakan butang pada unit untuk mengeset semula unit kepada pengesetan lalai kilangnya.

1 Cabut dan sambungkan semula kord kuasa, dan kemudian menghidupkan sistem.

2 Tahan ►II 14, tekan I/⏻ 5 sehingga "RESET" muncul.

Semua pengesetan konfigurasi pengguna, seperti stesen radio praset, pemasa, dan jam, dipadam.

Untuk mematikan fungsi tunggu sedia automatik

Sistem ini dilengkapi dengan fungsi tunggu sedia automatik. Dengan fungsi ini, sistem memasuki mod tunggu sedia secara automatik dalam masa kira-kira 30 minit apabila tidak ada pengendalian atau output isyarat audio.
Secara lalai, fungsi tunggu sedia automatik dihidupkan. Gunakan butang pada unit untuk mematikan fungsi tunggu sedia automatik.

Tahan I/⏻ 5 semasa sistem hidup, sehingga "AUTO.STBY OFF" muncul.

Untuk menghidupkan fungsi, ulangi tatacara sehingga "AUTO.STBY ON" muncul.

Perhatian

- Mesej "AUTO.STBY" mula berkelip pada paparan kira-kira 2 minit sebelum memasuki mod tunggu sedia.
- Fungsi tunggu sedia automatik adalah tidak sah untuk fungsi penala (FM/AM), walaupun anda telah mendayakannya.
- Sistem mungkin tidak memasuki mod tunggu sedia secara automatik dalam keadaan yang berikut;
  - —apabila isyarat audio dikesan.
  - —apabila peranti USB disambungkan.
  - —semasa main balik fail audio.
  - —semasa Pemasa Main atau Pemasa Tidur praset sedang dijalankan.

Mesej

CHARGING : iPod/iPhone dicas semasa sistem dimatikan (mod Tunggu Sedia).

CHILD LOCK : Fungsi kunci kanak-kanak telah didayakan. Untuk menyahdayakan kunci kanak-kanak, tekan dan tahan ■ 14 pada unit sehingga "CHILD LOCK OFF" muncul pada paparan 8.

ERROR : Peranti USB yang tidak dapat dikenali atau peranti yang tidak diketahui disambungkan.

NoDEVICE : Peranti USB tidak disambungkan atau peranti USB yang disambungkan telah dikeluarkan.

NoMEMORY : Media ingatan tidak dimasukkan ke dalam peranti USB.

NO TRACK : Fail yang boleh dimainkan pada peranti USB tidak dimuatkan di dalam sistem.

NOT USED : Anda cuba melaksanakan pengendalian tertentu di bawah keadaan yang melarang pengendalian tersebut.

NO SUPPORT : Model peranti USB, iPod/iPhone yang tidak disokong tersambung, atau iPod/iPhone yang kehabisan bateri disambungkan.

TIME NG : Waktu mula dan waktu tamat Pemasa Main yang disetkan adalah sama.

Langkah berjaga-jaga

Tentang keselamatan

- Tanggalkan kord kuasa dari saluran keluar dinding jika ia tidak akan digunakan untuk tempoh masa yang lama. Semasa mencabut palam unit, sentiasa genggam palam. Jangan sekali-kali tarik kord itu.
- Sekiranya apa-apa objek pepejal atau cecair masuk ke dalam sistem, cabut palam sistem, dan hantar kepada kakitangan yang berkelayakan untuk diperiksa sebelum mengendalikannya semula.
- Kord kuasa AC hanya boleh ditukar oleh kemudahan servis bertauliah.

Tentang peletakan

- Jangan meletakkan sistem pada kedudukan yang condong atau di lokasi yang sangat panas, sejuk, berdebu, kotor, atau lembap atau kurang pengudaraan yang mencukupi, atau tertakluk pada getaran, cahaya matahari langsung atau cahaya yang terang.
- Berhati-hati apabila menempatkan sistem pada permukaan yang telah dirawat khas (contohnya, dengan lilin, minyak, penggilap) kerana kesan warna atau perubahan warna permukaan boleh terjadi.
- Pemeluwapan mungkin terbentuk pada permukaan luar atau dalam, dan menyebabkan sistem pincang tugas jika sistem itu tiba-tiba dialihkan dari persekitaran sejuk ke panas. Jika pemeluwapan terbentuk, matikan sistem, dan biarkan sistem sehingga lembapan tersejat. Jangan menggunakan sistem sehingga pemeluwapan telah tersejat sepenuhnya.

Tentang peningkatan haba

- Peningkatan haba pada unit semasa pengendalian adalah normal dan tidak perlu dibimbangkan.
- Jangan menyentuh kabinet jika ia telah digunakan secara berterusan pada kekuatan yang tinggi kerana kabinet mungkin telah menjadi panas.
- Jangan menghalang lubang pengudaraan.

Tentang pembesar suara sistem

Pembesar suara terbina dalam sistem tidak bertebat magnet, dan gambar pada set TV yang berhampiran mungkin menjadi terherot magnet. Dalam keadaan ini, matikan TV, tunggu 15 hingga 30 minit, dan hidupkannya semula.
Jika tidak ada perbaikan, alihkan sistem jauh dari TV.

Membersihkan kabinet

Bersihkan sistem ini dengan kain lembut yang dilembapkan sedikit dengan larutan detergen lembut. Jangan menggunakan apa-apa jenis pad lelas, serbuk penyental, atau bahan pelarut seperti pencair, benzin, atau alkohol.

Spesifikasi

Bahagian amplifier

Nilai yang berikut diukur pada AC 120 V — 240 V, 50/60 Hz (Model Amerika Latin (kecuali untuk model Mexico dan Argentina))
Nilai yang berikut diukur pada AC 127 V, 60 Hz (Model Mexico)
Nilai yang berikut diukur pada AC 220 V — 240 V, 50/60 Hz (Model Eropah, Rusia, Australia dan Argentina)
Nilai yang berikut diukur pada AC 220 V — 240 V, 50/60 Hz (Model lain)

FST-GTK33iP/RDH-GTK33iP
Output kuasa (terkadar):
100 W + 100 W (pada 3.5 Ω, 1 kHz, 1% THD)
Kuasa output RMS (rujukan):
210 W + 210 W (setiap saluran pada 3.5 Ω, 1 kHz)
FST-GTK11iP/RDH-GTK11iP
Output kuasa (terkadar):
55 W + 55 W (pada 3 Ω, 1 kHz, 1% THD)
Kuasa output RMS (rujukan):
115 W + 115 W (setiap saluran pada 3 Ω, 1 kHz)

Bahagian pembesar suara

Sistem pembesar suara: Sistem pembesar suara 2 hala, Refleks bes
Unit pembesar suara:
FST-GTK33iP/RDH-GTK33iP:
Wufer: 200 mm, jenis kon
Twiter: 66 mm, jenis kon
FST-GTK11iP/RDH-GTK11iP:
Wufer: 160 mm, jenis kon
Twiter: 40 mm, jenis kon
Galangan terkadar:
FST-GTK33iP/RDH-GTK33iP: 3.5 Ω
FST-GTK11iP/RDH-GTK11iP: 3.0 Ω

Input

DVD/PC IN (audio masuk L/R):
FST-GTK33iP/RDH-GTK33iP: Kepekaan 1,000 mV, galangan 47 kΩ
FST-GTK11iP/RDH-GTK11iP: Kepekaan 1,500 mV, galangan 47 kΩ

Bahagian iPod/iPhone

Penyambung iPod/iPhone:
Voltan output: DC 5 V
Arus output maksimum: 1 A
Model iPod/iPhone yang serasi:
- — iPod touch 4th generation
- — iPod touch 3rd generation
- — iPod touch 2nd generation
- — iPod nano 6th generation
- — iPod nano 5th generation (video camera)
- — iPod nano 4th generation (video)
- — iPod nano 3rd generation (video)
- — iPod classic
- — iPhone 4S
- — iPhone 4
- — iPhone 3GS
- — iPhone 3G

"Made for iPod," dan "Made for iPhone" bermakna bahawa aksesori elektronik telah direka bentuk untuk menyambungkan secara khusus kepada iPod atau iPhone, masing-masing, dan telah diperakui oleh pembangunnya untuk memenuhi piawaian prestasi Apple. Apple tidak bertanggungjawab terhadap operasi peranti ini atau pematuhannya dengan piawaian keselamatan dan kawal selia. Sila ambil perhatian bahawa penggunaan aksesori ini dengan iPod atau iPhone boleh menjejaskan prestasi wayarles.

Bahagian USB

Kadar bit yang disokong:
MP3 (MPEG 1 Audio Layer-3): 32 kbps — 320 kbps, VBR
WMA: 48 kbps — 192 kbps, VBR
AAC: 48 kbps — 320 kbps
Frekuensi pensampelan:
MP3 (MPEG 1 Audio Layer-3): 32/44.1/48 kHz
WMA: 44.1 kHz
AAC: 44.1 kHz
Port ⇜ (USB): Jenis A, arus maksimum 500 mA

Bahagian penala

Stereo FM, penala superheterodin FM/AM
Antena:
Antena kabel FM
Antena gelung AM
Bahagian penala FM:
Julat penalaan: 87.5 MHz — 108.0 MHz (langkah 50 kHz)
Bahagian penala AM:
Julat penalaan:
Model Eropah, Rusia dan Arab Saudi:
531 kHz — 1,602 kHz (langkah 9 kHz)
Model Amerika Latin:
530 kHz — 1,710 kHz (langkah 10 kHz)
531 kHz — 1,710 kHz (langkah 9 kHz)
Model Australia:
531 kHz — 1,710 kHz (langkah 9 kHz)
530 kHz — 1,710 kHz (langkah 10 kHz)
Model lain:
531 kHz — 1,602 kHz (langkah 9 kHz)
530 kHz — 1,610 kHz (langkah 10 kHz)

Am

Keperluan kuasa:
Model Amerika Latin (kecuali untuk model Mexico dan Argentina):
AC 120 V — 240 V, 50/60 Hz
Model Mexico:
AC 127 V, 60 Hz
Model Eropah, Rusia, Australia dan Argentina:
AC 220 V — 240 V, 50/60 Hz
Model lain:
AC 120 V — 240 V, 50/60 Hz
Penggunaan kuasa:
FST-GTK33iP/RDH-GTK33iP: 75 W (0.5 W pada mod Penjimatan Kuasa)
FST-GTK11iP/RDH-GTK11iP: 45 W (0.5 W pada mod Penjimatan Kuasa)
Dimensi (L/T/D):
FST-GTK33iP/RDH-GTK33iP: Kira-kira 768.5 mm × 323 mm × 385 mm
FST-GTK11iP/RDH-GTK11iP: Kira-kira 678.5 mm × 323 mm × 385 mm
Jisim:
FST-GTK33iP/RDH-GTK33iP: Kira-kira 14.0 kg
FST-GTK11iP/RDH-GTK11iP: Kira-kira 12.5 kg
Kuantiti unit: 1 unit

Aksesori yang dibekalkan: Komander Kawalan Jauh (1), bateri R6 (Saiz AA) (2), antena kabel FM/gelung AM (1)

Rekabentuk dan spesifikasi adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis.